

14 MAR 1999

Ting-MCA

TING: PILIH PEMIMPIN DENGAN BIJAKSANA BAGI HADAPI CABARAN ALAF BARU

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Setiausaha Agung MCA Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini mengingatkan anggota MCA supaya memilih pemimpin mereka secara bijaksana pada pemilihan parti itu tidak lama lagi bagi menghadapi cabaran alaf baru.

Beliau berkata, setakat ini persediaan MCA bagi menghadapi pemilihan pucuk pimpinan parti di peringkat cawangan, bahagian dan pusat berjalan dengan lancar.

"Bilangan anggota MCA yang layak untuk mengambil bahagian dalam pemilihan parti kali ini ialah seramai 645,232 orang dan ini merupakan 77.1 peratus daripada jumlah anggota MCA," katanya pada persidangan media selepas mempengerusi taklimat Jawatankuasa Pemandu Pemilihan parti itu di Wisma MCA hari ini.

Pada taklimat itu, kira-kira 2,000 orang wakil dan pemimpin MCA di peringkat cawangan dan bahagian diberi penerangan mengenai peraturan pemilihan parti dan juga mengambil daftar pemilih di kawasan masing-masing.

Ting yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, hanya anggota yang menjelaskan yuran tahunan sehingga akhir 1998 sahaja yang layak mengundi.

"Berdasarkan maklumat terkini, kita mempunyai seramai 2,192 perwakilan yang akan dipilih dalam Perhimpunan Agung pada bulan Julai nanti," tambahnya.

Bagi pemilihan pucuk pimpinan parti itu di peringkat cawangan, pemilihan akan dijalankan pada 18 April ini dan pemilihan bagi wanita dan pemuda akan dijalankan sehari awal.

"Di peringkat bahagian pula, pemilihan akan dijalankan pada 16 Mei dan di peringkat pusat pada 17 Julai ini dan bagi pemilihan wanita dan pemuda juga sehari lebih awal," katanya.

Manakala bagi pemimpin MCA di peringkat negeri tiada pemilihan dijalankan kerana mereka dilantik oleh presiden parti tetapi bagi pemilihan pemuda dan wanita di peringkat negeri, pemilihan akan dijalankan pada 13 Jun.

Katanya lagi, hari penamaan calon bagi peringkat pusat ialah pada 12 Julai bermula jam 1 petang hingga 5 petang manakala pengundian dijalankan pada 17 Julai tetapi pengundian bagi memilih pucuk pimpinan pemuda dan wanita pada 16 Julai.

Perhimpunan Agung MCA akan diadakan selama dua hari iaitu pada 17 dan 18 Julai ini dan akan dirasmikan oleh Pengerusi Barisan Nasional yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

--BERNAMA

APG WAT